

PP

A

Iwn.

KARPAL SINGH RAM SINGH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMAN ABDULLAH PK
[KES NO: 4-45-10-2009]
28 APRIL 2009

B

C

PROSEDUR JENAYAH: Bantahan awal - Izin bertulis - Sama ada pendakwaraya telah memberi pertimbangan sepenuhnya kepada izin yang dikeluarkan - Izin ditandatangani sendiri oleh pendakwaraya - Sama ada nilainya lebih tinggi - Perlembagaan Persekutuan, per. 145(3) - Kanun Tatacara Jenayah, s. 376(i)

D

Tertuduh telah dituduh menyebut kata-kata menghasut dalam satu sidang akhbar iaitu satu kesalahan di bawah s. 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 dan boleh dihukum di bawah s. 4(1) Akta yang sama. Tertuduh, yang mewakili dirinya sendiri, telah membangkitkan bantahan awal. Isu yang dibangkitkan oleh tertuduh di dalam bantahan awal ini adalah pendakwaraya hendaklah memberi pertimbangan penuh di dalam mindanya. Dihujahkan bahawa izin bertulis di dalam kes ini yang hanya menyatakan ‘kerana telah menyebut kata-kata menghasut’ adalah tidak cukup kerana perlu dimasukkan kata-kata menghasut itu di dalam izin bertulis dan perlu menyatakan di bawah kategori mana ianya terjatuh mengikut cabang di dalam s. 3 Akta Hasutan 1948. Tertuduh menghujahkan bahawa hanya dengan berbuat demikian barulah dapat dikatakan pendakwaraya telah memberi pertimbangan sepenuhnya kepada izin yang dikeluarkan.

E

F

G

Diputuskan (menolak bantahan awal oleh pihak tertuduh):

- (1) Di dalam kes-kes yang membawa hukuman gantung izin bertulis hampir kesemuanya hanya diberikan oleh Timbalan Pendakwa Raya sahaja. Izin-izin tersebut adalah datang dari seksyen yang sama iaitu di bawah s. 376(i) Kanun Tatacara Jenayah iaitu dibaca bersama-sama dengan perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Di dalam kes ini, terdapat suatu izin bertulis yang hampir sama dengan apa yang kelazimannya dikeluarkan untuk kes-kes yang membawa hukuman yang lebih berat. Izin di dalam kes ini ditandatangani sendiri oleh pendakwaraya dari segi nilainya ianya lebih tinggi kerana dipertimbangkan oleh beliau sendiri bukannya oleh timbalannya. (perenggan 18 & 23)

H

I

A Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Hamid v. PP [1956] 1 LNS 3 HC (dirujuk)

Balasubramanian Palaniappa Vaiyapuri v. Public Prosecutor [2002] 1 SLR 314 (dirujuk)

Fan Yew Teng v. PP [1975] 2 MLJ 235 (dirujuk)

B

Goh Keat Peng v. PP [2001] 2 CLJ 498 HC (dirujuk)
Makhan Lal Jain And Another, Petitioner v. The Amrit Banaspati Co Ltd and others, Opposite Party AIR 1953 Allahabad 326 (dibezakan)

PP v. Mohamed Halipah [1982] 1 MLJ 159 (dirujuk)

PP v. Nagalingam & Anor [1970] 1 LNS 115 HC (dirujuk)

PP v. Nagalingam [1971] 1 MLJ 18 (dirujuk)

C

PP v. Oie Hee Koi & Associated Appeals [1968] 1 MLJ 148 (dirujuk)

Quock Gin Hong v. PP [1998] 4 CLJ (Supp) 515 HC (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 51A, 177A(1), 376(1), (3), 418A(1)

Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(3)

D

Federal Constitution, art. 145(3)

Internal Security Act 1960, s. 80

Police Act 1967, s. 27

Sedition Act 1948, ss. 3(1), 5

E

Bagi pihak PP - Manoj Kurup TPR

Bagi pihak tertuduh - Karpal Singh (Gobind Singh Deo, Sangeet Kaur Deo,

Teo Lep Peng & Ram Karpal bersamanya)

Peguam pemerhati untuk majlis peguam - Gerald Gomez

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

F**PENGHAKIMAN****Azman Abdullah PK:****G****Latarbelakang Kes**

[1] Tertuduh pada awalnya dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 17 Mac 2009 dan kemudiannya kes ini telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas kehendak pendakwa raya melalui perakuan di bawah s. 418A(1) KTJ.

H

Semasa tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen pada 17 Mac 2009 pihak pendakwaan telah mengemukakan izin bertulis di bawah s. 5 Akta Hasutan 1948 dan ditandakan sebagai ‘A’ oleh mahkamah. Pertuduhan telah dibaca kepada tertuduh bersama-sama dengan lampiran ‘A’, tertuduh telah minta dibicarakan.

I

[2] Kertas Pertuduhan adalah seperti berikut:

A

Dalam Mahkamah Sesyen Di Kuala Lumpur
Kes Tangkap No:

B

Pendakwa Raya
Lawan
Karpal Singh A/L Ram Singh
(Nombor Kad Pengenalan: 400628-07-5079)

Pertuduhan

C

Kamu didakwa atas kehendak Pendakwa Raya dan pertuduhan terhadap kamu ialah:

D

Bahawa kamu pada 6 Februari 2009 jam antara 12.00 tengahari dan 12.30 petang di Tetuan Karpal Singh & Co. yang beralamat No. 67, Jalan Pudu Lama, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam satu sidang akhbar telah menyebut kata-kata menghasut (transkrip ucapan dilampirkan digariskan); dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

E

Hukuman

F

Kamu boleh, bagi kesalahan kali pertama, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kemudian boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

G

Bertarikh pada 16 Mac 2009
Pendakwa Raya
(T.t)
(Tan Sri Abdul Gani Patail)
Pendakwa Raya

H

[3] Selepas itu pihak pendakwaan telah meminta kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di bawah s. 418A KTJ dan ditanda sebagai 'B'. Hakim Mahkamah Sesyen telah memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dan telah menetapkan jaminan sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin.

I

[4] Pada 23 Mac 2009 mahkamah ini telah menyebut kes ini buat pertama kalinya. Pada tarikh sebutan itu pihak TPR memaklumkan kepada mahkamah akan izin untuk mendakwa di

A bawah s. 5 Akta Hasutan 1948 di baca bersama-sama s. 376(1) KTJ dan perakuan di bawah s. 418A(1) KTJ di tanda masing-masing sebagai P1A dan P1B. Selepas itu tuduhan dibacakan sekali lagi kepada tertuduh dan tertuduh mengekalkan pengakuannya iaitu minta dibicara.

B [5] Pihak-pihak bersetuju menetapkan satu tarikh sebutan untuk keperluan di bawah s. 51A KTJ untuk dibekalkan dengan dokumen-dokumen berkaitan, mahkamah menetapkan tarikh sebutan pada 22 April 2009.

C Bantahan Awal Oleh Peguambela/Tertuduh

[6] Pada 24 April 2009, Encik Karpal yang mewakili dirinya sendiri telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa satu bantahan awal telah dihantar melalui surat bertarikh 20 April 2008

D kepada pihak pendakwaan. Mahkamah meminta pihak peguambela membekalkan satu salinan surat bantahan awal itu dan mahkamah telah tandakan sebagai PO(1). Bantahan awal tersebut adalah berbunyi seperti berikut;

E We write to give you notice that we will be rising a preliminary issue in relation to the validity of the proceedings commenced against our Mr. Karpal Singh in that the written consent of the Public Prosecutor mandatorily required before commencement of the prosecution for an offence under section 4(1)(b) of the Sedition Act, 1948 (Act 15) is a nullity in that it lacks pertinent particulars going to the root of the said written consent.

[7] Izin bertulis (written consent) yang dikeluarkan oleh pihak pendakwa raya adalah seperti berikut;

G Peguam Negara
Malaysia
Akta Hasutan 1948
(Akta 15)
Izin Di Bawah Seksyen 5

H Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pendakwa Raya oleh seksyen 5 Akta Hasutan 1948 dan seksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah, saya, Tan Sri Abdul Gani Patail Pendakwa Raya, dengan ini memberi izin bagi pendakwaan Karpal Singh A/L Ram Singh, Nombor Kad Pengenalan: 400628-07-5079 kerana telah menyebut kata-kata menghasut, suatu kesalahan di

I

bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 yang dikatakan telah dilakukan pada 6 Februari 2009 jam antara 12.00 tengahari dan 12.30 petang di Tetuan Karpal Singh & Co. yang beralamat No. 67, Jalan Pudu Lama, di dalam Daerah Dang Wangi dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bertarikh pada 11 Mac 2009

(t.t)
(Tan Sri Abdul Gani Patail)
Pendakwa Raya

Hujahan Dan Undang-Undang

[8] Isu yang dibangkitkan oleh Encik Karpal di dalam bantahan awal ini ialah;

Pendakwa Raya hendaklah memberi pertimbangan penuh di dalam mindanya. Peguam menghujahkan izin bertulis di dalam kes ini yang hanya menyatakan “kerana telah menyebut kata-kata menghasut” adalah tidak cukup. Perlu dimasukkan kata-kata menghasut itu di dalam izin bertulis dan perlu menyatakan di bawah kategori mana ianya terjatuh mengikut cabang di dalam s. 3 Akta Hasutan 1948 itu.

Encik Karpal menghujahkan, hanya dengan berbuat demikian barulah dapat dikatakan pendakwa raya telah memberi pertimbangan sepenuhnya kepada izin yang dikeluarkan.

[9] Beberapa kes yang dirujuk oleh Encik Karpal;

- i. *Abdul Hamid v. PP* [1956] 1 LNS 3 HC.
- ii. *Quek Gin Hong v. PP* [1998] 4 CLJ (Supp) 515 HC.
- iii. *PP v. Nagalingam & Anor* [1970] 1 LNS 115 HC (kes Singapura).
- iv. *Makhan Lal Jain and another, Petitioner v. The Amrit Banaspati Co. Ltd and others, Opposite Party* AIR 1953 Allahabad 326 (kes India).
- v. *Goh Keat Peng v. PP* [2001] 2 CLJ 498 HC.

[10] Saya ingin merujuk kepada kes-kes tersebut satu persatu dari segi faktanya dengan perbandingan kes sekarang;

- A Kes *Abdul Hamid v. PP* [1956] 1 LNS 3 di dalam kes ini hakim Smith memutuskan s. 376(3) KTJ adalah mencukupi pihak timbalan pendakwa raya yang memberinya tidak semestinya pendakwa raya, di dalam kes tersebut tajuk dinyatakan sebagai "Sanction" tetapi masih diterima oleh Hakim berkenaan, malah ayat yang digunakan lebih longgar. Kes kita pada hari ini ditandatangan oleh pendakwa raya sendiri bukannya oleh timbalan pendakwa raya dengan kata lain pendakwa raya yang sendiri meneliti dan menandatangannya bukan timbalannya.
- B
- C Saksi di dalam kes *Abdul Hamid v. PP* seperti berikut:
- The Officer-in-Charge,
Criminal Investigation,
Negri Sembilan,
Seremban
- D Sanction To Prosecute Under Section 129 Of The Criminal Procedure Code (Cap. 6)
- In exercise of the powers conferred upon me by section 129 and section 129 and section 376(iii) of the Criminal Procedure Code,
- E I, Leslie Alexander Massie, Deputy Public Prosecutor for the State of Negri Sembilan do hereby sanction the prosecution of Abdul Hamid bin Mohd. for an offence punishable under section 3(a) of the Prevention of Corruption Ordinance No. 5 of 1950 alleged to have been committed by him at Kuala Pilah on or about the 28th day of February 1956.
- F

Dated this 26th day of April 1956.

sd. L.A Massie
Deputy Public Prosecutor,
Negri Sembilan & Malacca

- G
- H [11] Kes kedua yang dirujuk oleh Encik Karpal ialah kes dari Allahababd India, iaitu kes *Makhan Lal Jain and Another, Petitioner v. The Amrit Banaspati Co Ltd and Others, Opposite Party*. Fakta kes ini jauh berbeza di mana ianya adalah berkaitan izin yang diperlukan oleh pemegang syer di bawah Akta Syarikat tersebut; dengan mana pemegang share telah menandatangani izin mereka masing-masing di atas kertas kosong dan Hakim Rrij Mohan Lalil J. telah membuat secara analogi izin bertulis oleh pendakwa raya sekiranya ditandatangani di atas kertas kosong semestinya pendakwa raya gagal untuk meletakkan penilaian fikirannya kepada
- I

izin yang diberikan. Di dalam kes kita hari ini jika benar pendakwa raya menandatangani di atas kertas kosong saya percaya timbalan pendakwa rayanya tidak akan kemukakan ke mahkamah tanpa menunggu Encik Karpal membantahnya.

[12] Kes Ketiga yang dikemukakan ialah kes *Goh Keat Peng v. PP* [2001] 2 CLJ 498, oleh Hakim Zulkifli Ahmad Makinudin; hujahan yang diutarakan oleh Encik Karpal ialah pihak pendakwa raya gagal untuk menyatakan di dalam s. 3(1) Akta di bawah perenggan mana kesalahan yang dituduh di dalam Izin tersebut dan telah merujuk kepada kes ini. Kes *Goh Keat Peng* ini tertuduh dituduh di bawah s. 27 Akta Polis 1967 dan Hakim Zulkifli memutuskan kes tersebut berlandaskan kepada Akta tersebut bukannya di bawah Akta Hasutan 1948.

Peruntukan seksyen 3(1) adalah seperti berikut:

3(1) A “seditious tendency” is a tendency:

- (a) to bring into hatred or contempt or to excite disaffection against any Ruler or against any Government;
- (b) to excite the subjects of any Ruler or the inhabitants of any territory governed by any Government to attempt to procure in the territory of the Ruler or governed by the Government, the alteration, otherwise than by lawful means, of any matter as by law established;
- (c) to bring into hatred or contempt or to excite disaffection against the administration of justice in Malaysia or in any State;
- (d) to raise discontent or disaffection amongst the subjects of the Yang di-Pertuan Agong or of the Ruler of any State or amongst the inhabitants of Malaysia or of any State;
- (e) to promote feelings or ill-will and hostility between different races or classes of the population of Malaysia; or
- (f) to question any matter, right, status, position, privilege, sovereignty or prerogative established or protected by the provisions of Part III of the Federal Constitution or Article 152, 153 or 181 of the Federal Constitution.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A [13] Satu kes yang mana faktanya adalah sama yang dirujuk oleh TPR Dato' Kamaluddin Said yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Fan Yew Teng v. Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 235 [Federal Court Criminal Appeal No. 1 of 1975], di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa pertuduhan di bawah Akta Hasutan 1948 ini tidak menjadi cacat atas sebab tidak dinyatakan di dalam pertuduhan 6 kecenderungan yang ada di dalam s. 3(1) Akta.
- C the charge was not defective, as in a prosecution under section 4(1)(c) of the Sedition Act, it is unnecessary for the Public Prosecutor to specify in the charge on which of the six tendencies set out in section 3(1) he relies and it is open to him during the course of the trial to pick and choose;
- D [14] Peguam menghujahkan di dalam bantahannya bahawa perlu dinyatakan di dalam izin perkataan-perkataan yang dikatakan itu sebagai menghasut dan di bawah kesalahan mana ianya terjatuh di dalam s. 3(1) itu. Saya merasakan jika di dalam pertuduhan telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Fan Yew Teng* tidak perlu dinyatakan masakan di dalam izin ianya lebih perlu.
- F [15] Kes keempat; di dalam kes yang dirujuk sendiri oleh Encik Karpal iaitu kes *PP v. Nagalingam* [1970] 1 LNS 115 iaitu kes Singapura, di dalam kes tersebut izin yang dikeluarkan oleh pendakwa raya gagal menyatakan tempat, masa dan tarikh perbuatan tersebut dilakukan, izin hanya menyatakan seksyen kesalahan sahaja. Hakim berkenaan menyatakan bahawa tidaklah perlu sesuatu izin itu mengandungi segala fakta yang berada di dalam pertuduhan dimasukkan ke dalamnya ianya mencukupi sekadar untuk mengenal pasti izin tersebut adalah untuk kes yang dimaksudkan.
- H The question is does this consent relate to this particular case or to some other incident in respect of the same respondent under the same section of the said Ordinance ... If the document signifying the Attorney-General's consent under section 31 of the said Ordinance contains sufficient facts to satisfactorily identify the particular case to which he has given his consent then the document would speak for itself. This does not mean that all the facts as embodied in the charge should have to be set out in the consent.
- I (penekanan oleh saya).

[16] Izin bertulis yang dimaksudkan di dalam kes *Nagalingam* seperti di bawah:

I, Tan Boon Teik, Attorney-General and Public Prosecutor of Singapore, in pursuance of the powers conferred on me by section 3(1) of the Prevention of Corruption Ordinance, 1960 (Ord. 39 of 1960: Reprint No. RS(A) 27 of 1966) and of all other powers hereunto me enabling, do hereby consent to the prosecution of one Mathiyooke [commat] Ismail bin Abdullah of Singapore for an offence under section 5(a)(i) of the aforesaid Ordinance: And I do hereby designate any Criminal District Court at Singapore to be the Court of Trial.

Dated at Singapore this 7th day of April, 1970.

Sd. Tan Boon Teik
Attorney-General and
Public Prosecutor
Singapore.

[17] Saya ingin merujuk kepada satu kes Mahkamah Singapura di dalam tahun 2002 yang diputuskan oleh Chief Justice Yong Pung How di dalam kes *Balasubramanian Palaniappa Vaiyapuri v. Public Prosecutor* [2002] 1 SLR 314; menyatakan bahawa selagi pihak pendakwa raya di dalam izinnya telah menyatakan seksyen kesalahan yang betul ianya sudah memadai untuk menunjukkan beliau telah menumpukan mindanya kepada kesalahan atas pertuduhan yang sedang dihadapi oleh tertuduh. Yang Amat Arif menyatakan pendakwa raya tidak boleh dikatakan memberi izin sekiranya pertuduhan di dalam izin adalah berlainan dengan apa yang tertuduh selepas itu dituduhkan.

The Public Prosecutor could not be said to have given his consent if he had applied his mind to an offence which was totally different from the one that the accused was later charged with. In the present case, however, the charge to which the Acting Attorney General had originally given his consent did not concern an offence that was entirely different or distinct from the one that the petitioner was charged with in court. It was still the same offence of outrage of modesty under the same section of the Penal Code, save for the alleged *mens rea*. In my opinion, as the Acting Attorney General had already applied his mind to the offence for which the petitioner was being prosecuted and had consented to the

A

B

C

D

E

F

G

H

I

A Kesimpulan

- [18]** Di dalam kes-kes yang membawa hukuman gantung izin bertulis hampir kesemuanya hanya diberikan oleh timbalan pendakwa raya sahaja. Izin-izin tersebut adalah datang dari seksyen yang sama iaitu di bawah s. 376(1) KTJ iaitu dibaca bersama-sama dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan:

Seksyen 376(1) adalah seperti berikut:

- C** The Attorney General shall be the Public Prosecutor and shall have the control and direction of all criminal prosecutions and proceedings under this Code.

[19] Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- D** The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah Court, a native court or a court-martial.

- E** untuk pertuduhan membunuh (s. 177A(i) Kanun Tatacara Jenayah) dan mengedar dadah berbahaya (s. 39B(3) Akta Dadah Berbahaya 1952). Begitu juga izin bertulis di bawah Akta-Akta lain seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, s. 80 memerlukan izin.

- F** **[20]** Ingin saya mengambil satu contoh kes yang keterlaluan, di dalam kes yang diputuskan oleh Privy Council *PP v. Oie Hee Koi & Associated Appeals* [1968] 1 MLJ 148; yang dituruti di dalam kes *PP v. Mohamed Halipah* [1982] 1 MLJ 159 yang memutuskan bahawa kehadiran timbalan pendakwa raya di dalam mengendalikan kes itu sendiri secara tersirat ('implicit'nya) membawa maksud keizinan diperolehi dari pendakwa raya, melainkan kes tersebut pendakwaan dikendalikan oleh pegawai pendakwa polis atau jabatan-jabatan kerajaan.

- H** **[21]** Majlis Privy di dalam kes *Oie Hee Koi*;

- ... It was further argued that under section 80 of the Act the consent of the Public Prosecutors to the prosecution should have been and was obtained. The answer to this objection is that the Public Prosecutors was himself the prosecutor and his consent was implicit in his action. The provision in section 80 requiring consent is applicable where prosecution takes place, eg, before a Sessions Court and the Public Prosecutor is not the actual prosecutor.

[22] Mahkamah Tinggi di dalam kes *Mohamed Halipah*; A

It is to be noted that in the above case the prosecution was conducted before the High Court by a Deputy Public Prosecutor who under the Criminal Procedure Code is vested with all the powers of the Public Prosecutors. On the authority of this case, it is clear that where the prosecution is conducted by a Deputy Public Prosecutor the consent of the Public Prosecutor is implicit in his action and no written consent of the Public Prosecutor is required.

B

[23] Dengan kata lain di dalam kes kita pada hari ini terdapat suatu izin bertulis yang hampir sama dengan apa yang kelazimannya dikeluarkan untuk kes-kes yang membawa hukuman yang lebih berat. Izin di dalam kes pada hari ini ditandatangani sendiri oleh pendakwa raya dari segi nilainya ianya lebih tinggi kerana dipertimbangkan oleh beliau sendiri bukannya oleh timbalannya. C

D

[24] Atas alasan-alasan ini saya menolak bantahan awal oleh pihak tertuduh. E

F

G

H

I